

PM promosi tata kelola konsep MADANI

Anwar sampaikan khutbah Jumaat, pimpin 'syahadah' lelaki peluk Islam di masjid pertama di New York

New York: Datuk Seri Anwar Ibrahim mempromosikan tata kelola berdasarkan konsep MADANI dan pandangan mengenai ancaman Islamofobia terhadap umat Islam di Amerika Syarikat (AS) ketika diberi penghormatan menyampaikan khutbah solat Jumaat di Pusat Kebudayaan Islam New York (ICCN), Amerika Syarikat, kelmarin.

Perdana Menteri adalah pemimpin asing pertama diberi penghormatan menyampaikan khutbah Jumaat oleh pengurusan masjid pertama di New York itu yang dibuka pada 25 September 1995.

Sepanjang khutbah kira-kira 20 minit itu, Perdana Menteri menekankan pentingnya pentadbiran berkonsepkan Islam melindungi semua lapisan masyarakat tanpa mengira agama dan kaum.

"Kita melindungi golongan miskin, minoriti, kita menjayakan semangat MADANI berdasarkan konsep negara Madinah yang mempromosikan kefahaman dan ilmu selain tidak mengetepikan kelestarian.

"Ia mempromosikan kebaikan dengan perbezaan difahami berdasarkan nilai kemanusiaan selain mempromosikan ehsan, belas dan rahmah," katanya dalam khutbahnya di hadapan kira-kira 800 jemaah.

Khutbah itu disiarkan secara langsung dari masjid berkenaan oleh Radio Televisyen Malaysia (RTM) menerusi akuan media sosial, kira-kira jam 1.15 pagi semalam waktu Malaysia.


Kepentingan dakwah Islam

Dalam khutbah sama, Perdana Menteri turut menekankan kepentingan dakwah Islam dilakukan dengan penuh kebijaksanaan dan ilmu pengetahuan.

Beliau berkata, dalam usaha memperjuangkan dakwah, umat Islam akan berdepan pelbagai cabaran, namun ia tidak harus menghilangkan kesabaran.

"Kita perlu sentiasa ingat bahawa adanya kaedah dan prosedur dalam berdakwah yang perlu dilakukan dengan penuh kebijaksanaan dengan mempromosikan kebaikan," katanya.

Ketika menyentuh ancaman Is-



Anwar menyampaikan khutbah Jumaat di Pusat Kebudayaan Islam New York, kelmarin.

(Foto BERNAMA)



Anwar membantu Andrew melafazkan kalimah syahadah untuk memeluk agama Islam.

lamofobia yang masih melanda dunia Islam hari ini, Anwar menegaskan situasi itu masih berlaku kerana kejahilan dan kurangnya toleransi dalam memahami dan menerima kepelbagaian agama.

"Pengalaman di Malaysia yang juga negara kelahiran saya, adalah negara dengan penduduknya menganut pelbagai agama. Kami sebagai Muslim tetap mempromosikan Islam dan pada masa sama bertoleransi kepada penganut agama lain seperti Kristian,

Buddha untuk mengamalkan agama masing-masing.

"Disebabkan itu saya melihat (Islamofobia) ini terjadi kerana kejahilan yang berleluasa, tindakan terburu-buru, termasuk dalam kes membakar al-Quran di Sweden," katanya.

Menyentuh tindak balas susulan insiden membakar al-Quran itu, beliau menegaskan, Kerajaan Malaysia memutuskan untuk bertindak balas secara berhikmah dengan memberikan ilmu dan kefahaman.

"Mereka bakar senaskhah al-Quran, saya kemudian keluaran arahan supaya kerajaan mencetak sejuta al-Quran untuk diedarkan ke seluruh dunia. Malah, kami hantar 15,000 naskhah ke Sweden supaya mereka dapat melihat dan memahami, dan bukan bergaduh kerana jahil.

"Anda boleh menolaknya, tetapi saya pinta rujuklah kitab ini dan fahami, bukannya terus memilih untuk dibelenggu dengan kejahilan sendiri," katanya.

Sementara itu, BERNAMA melaporkan, imam masjid itu, Saad Jalloh, ketika menerima kehadiran Anwar dan rombongannya, menyifatkan ia sebagai sejarah kerana Perdana Menteri adalah pemimpin pertama melawat masjid berkenaan.

Sempena kehadiran di masjid itu, Anwar juga diberi peluang memimpin 'syahadah' seorang lelaki yang dikenali sebagai Andrew Vinals, yang memeluk Islam selepas solat Jumaat.

Perdana Menteri ketika itu baru saja hendak keluar dari dewan solat apabila diumumkan ada seorang lelaki berhasrat memeluk agama Islam dan mereka menyeru Perdana Menteri untuk menyempurnakan pengislaman lelaki berkenaan.